



PEKERJAAN DAN KEGANASAN RUMAH TANGGA: SATU KAJIAN KUANTITATIF TERHADAP PASANGAN YANG BERKAHWIN DI MALAYSIA

(Job Status and Domestic Violence: A Quantitative Study on Married Person in Malaysia)

Nuruaslizawati Ayob¹, Siti Hajar Abdul Rauf¹, Rumaina Hadjiri¹, Nurunsa'adah S¹

¹Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kampus Gong Badak, Terengganu, Malaysia

*Correspondence Author Email: ayobnuruaslizawati@gmail.com

Received: 12 October 2021 • Accepted: 21 October 2021 • Published: 30 April 2022

Abstract

Married is a love relationship between a man and a woman that based on a bond. However, there are various reports of domestic violence cases reported to the authorities. A study on domestic violence involving spouse's job status was conducted by looking at four forms of violence namely physical, emotional, economic, and sexual violence. This study was conducted using quantitative design using survey method. Data were collected by distributing questionnaires to 390 Muslim respondents who are married or have been married and live in Terengganu and Kelantan. Data were analyses through Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 22 and processed using inferential analysis (ANOVA). The findings found that the employment status of the respondents had a significant relationship on the forms of violence. This situation has gave an impression that it is important for all parties to evaluate the situation and develop interventions to reduce cases of domestic violence.

Keywords: Domestic violence; Women; Patriarchy; Job status; Power and control

Abstrak

Perkahwinan merupakan hubungan cinta yang terjalin antara lelaki dan perempuan yang didasari dengan sebuah ikatan. Namun begitu, saban hari terdapat pelbagai laporan mengenai kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada pihak berkuasa. Satu kajian mengenai keganasan rumah tangga melibatkan pekerjaan pasangan telah dijalankan dengan melihat empat bentuk keganasan iaitu keganasan fizikal, emosi, ekonomi dan seksual. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Data dikumpul dengan mengedarkan soal selidik kepada 390 responden beragama islam yang berkahwin atau pernah berkahwin dan tinggal Negeri Terengganu dan Kelantan. Data dalam kajian ini dianalisis melalui perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 22 dan diolah menggunakan analisis berbentuk inferensi (ANOVA). Hasil dapatan mendapati bahawa status pekerjaan responden mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap bentuk keganasan. Keadaan ini telah memberi

satu gambaran bahawa adalah penting bagi semua pihak menilai situasi ini dan mengembangkan intervensi bagi mengurangkan kes keganasan rumah tangga.

Kata kunci: Keganasan rumah tangga; Wanita; Patriarki; Status pekerjaan; Kuasa dan kawalan

Cite as: Nuruaslizawati, A., Siti Hajar, A.R., Rumaina, H., Nurunsah, S. (2022). Job Status and Domestic Violence: A Quantitative Study on Married Person in Malaysia. *Asian People Journal*, 5(1), 53-62.

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan satu tonggak utama dalam pembentukan sebuah keluarga. Tujuan perkahwinan adalah untuk mewujudkan satu corak kehidupan yang lebih progresif, damai dan tenteram. Namun begitu, statistik perkahwinan dan perceraian pada tahun 2020 menunjukkan sebanyak 1.2 peratus penurunan yang berlaku dalam perkahwinan iaitu 203,821 orang (2019) berbanding 206,352 orang pada tahun sebelumnya (2018) manakala perceraian pula berlaku peningkatan sebanyak 12 peratus iaitu 56,975 orang (2019) berbanding 50,962 (2018) orang pada tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Dalam konteks kehidupan, Islam menyeru kepada setiap manusia untuk menerapkan konsep amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan, iaitu menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Namun, pada akhir-akhir ini, kerap kali media melaporkan tentang kes keganasan rumah tangga berlaku dalam sesebuah keluarga terutama melibatkan suami dan isteri. Statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes keganasan rumah tangga semakin meningkat saban tahun di mana 5,118 kes pada tahun 2019 berbanding 4,807 kes pada tahun 2014. Manakala *World Health Organization* (WHO) kira-kira satu pertiga (30%) wanita di seluruh dunia dilaporkan mengalami beberapa jenis keganasan sama ada keganasan fizikal atau/dan seksual oleh pasangan sepanjang hidup (WHO, 2017).

Isaacs et. al, (2020) menyatakan keganasan merupakan satu tindakan sama ada untuk mencederakan, menghina, mengeluarkan kata-kata kesat dan membunuh pasangan atau ahli keluarga lain. Sebagai contoh, sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dijalankan di seluruh dunia bagi mengurangkan wabak COVID-19 yang telah melanda dunia terdapat pelbagai laporan mengenai kes keganasan rumah tangga yang diterima. Malaysia juga tidak terlepas daripada konflik ini. Berdasarkan statistik PDRM sebanyak 5,260 kertas siasatan dibuka membabitkan kes keganasan rumah tangga bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 dan sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga adalah berpunca daripada tekanan ekonomi akibat pendapatan terjejas (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2021). Rentetan daripada penderaan, terdapat juga kes yang dilaporkan melibatkan kematian. Persoalannya, mengapakah kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP dilaksanakan? Sedangkan yang tinggal satu rumah kebanyakan merupakan pasangan yang berkahwin atas dasar saling cinta.

Dalam sesebuah rumah tangga ketegangan mahupun konflik merupakan hal yang sering berlaku. Namun dalam ajaran agama Islam, lelaki atau perempuan adalah di larang untuk menggunakan kekerasan sama ada secara lisan atau perbuatan. Keganasan rumah tangga didefinisikan sebagai satu corak keganasan, penderaan, ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa ke atas pasangan sama ada yang sedang atau pernah berada dalam hubungan intim. Randawar dan Jayabalan (2018) mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai keganasan antara pasangan intim yang tinggal bersama atau yang pernah tinggal bersama sebelum ini. Lodhi (2016) turut mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai ancaman atau keganasan yang melibatkan fizikal, emosi, psikologi, ekonomi atau seksual. Keadaan ini mampu menjejaskan keseluruhan kualiti hidup seseorang (Siti Hajar & Nuruaslizawati, 2020).

Di Malaysia, keganasan rumah tangga merupakan satu perbuatan jenayah yang termaktub di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Akta ni meliputi beberapa perkara seperti dengan sengaja meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal oleh tindakan yang dilakukan, menuntut mangsa secara paksaan atau ancaman untuk terlibat dalam apa-apa kelakuan atau perbuatan seksual atau selainnya, mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan serta melakukan khianat atau kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan mangsa rasa sedih atau gusar (Akta Keganasan Rumah Tangga, 1994).

Keganasan rumah tangga lazimnya berlaku apabila pasangan mula mengawal atau menggunakan kekerasan sehingga mendatangkan kecederaan atau menyebabkan kecederaan tidak kira sama ada secara fizikal, emosi atau seksual. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor seperti ketidakfahaman, kewangan, cemburu, penyalahan peranan wanita, pengaruh alkohol, ugutan, dan masalah yang dianggap peribadi. Bagi konteks Malaysia, peratusan penerimaan wanita terhadap keganasan melibatkan isteri menunjukkan wanita mempercayai bahawa apabila mereka telah berkahwin, mereka “dimiliki” oleh suami dan adalah hak suami untuk memukul isterinya dengan alasan tertentu (Khaironisak, Zaridah, Hasanain & Zaleha, 2017).

Kajian Literatur

Dominasi patriarki atau dominasi lelaki berlaku dalam amalan budaya Malaysia (Khaironisak et al., 2017). Patriarki merujuk kepada satu sikap dan adat istiadat ketuanan lelaki yang mengukur pola kesaksamaan jantina dalam masyarakat (Hirschman, 2017) dimana lelaki berkuasa ke atas wanita (Walsh, 2018). Perbezaan ini ditentukan berdasarkan kepada biologi yang dibawa (Bian, 2018). Menurut Dolunay-Cug, Toplu-Demirtas dan Murray (2017) terdapat satu tahap ketaksamaan berlaku antara wanita dan lelaki. Penguasaan ini juga mencerminkan ketidakaksamaan dan ketidakadilan antara jantina; terutama dalam institusi kekeluargaan dan juga di peringkat masyarakat. Kepercayaan tradisional mengenai peranan jantina terutama dalam masyarakat dengan tidak menghargai atau tidak melihat wanita penting (Walsh, 2018). Dalam masyarakat patriarki, wanita tidak hanya disosialisasikan untuk mendiamkan tentang pengalaman mereka, tetapi norma-norma tradisional ini telah mengajar mereka untuk menerima, bertoleransi dan membenarkan KRT berlaku. Di Libya, kebanyakan lelaki menganggap bahawa hak istimewa dan kekuatan mereka harus “dihormati” oleh wanita (Elabani, 2015). Dengan itu, mereka boleh menggunakan kekerasan untuk mendapatkan atau mempertahankan status dan kuasa dominan mereka.

Menurut Fatimah (2016) pasangan yang ingin berumah tangga perlu melengkapkan diri dengan mendalami dan memahami ilmu-ilmu mengenai rumah tangga dan keluarga. contohnya, tanggungjawab terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab terhadap anak-anak. Ini kerana, keperluan seorang isteri merupakan tanggungjawab suami sepanjang tempoh perkahwinan. Keperluan ini disebut sebagai nafkah. Firman Allah dalam surah At-Talaq ayat 7 bermaksud “Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya, dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya.”

Islam meletakkan wanita pada tempat yang mulia dan tinggi seperti juga kaum lelaki. Lelaki dan wanita mempunyai peranan dan fungsi tersendiri. Keadaan ini mewujudkan satu hubungan yang saling melengkapi. Firman Allah yang bermaksud “Dan orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, melaksanakan solat, menunaikan zakat dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya (At-Taubah: 71)”. Oleh itu, isu seperti penderaan, penindasan atau ketidakadilan dapat dicegah jika dilandasi dengan syariat islam.

Kajian yang dilakukan Saffari, Arslan, Yekaninejad, Pakpour, Zaben dan Koenig (2017) menunjukkan semua wanita tanpa mengira umur, status perkahwinan, bilangan anak, tahap pendidikan, dan status pekerjaan, penyalahgunaan bahan, dan status ekonomi lebih berisiko terhadap semua bentuk keganasan. Dobash dan Dobash (1979) melihat keganasan sebagai suatu bentuk tingkah laku yang diperoleh melalui penaklukan, penguasaan dan kawalan. Weston (2016) menunjukkan bahawa wanita yang tidak mempunyai pendapatan juga menghadapi

cabaran besar dalam mencari nafkah untuk diri sendiri dan anak-anak mereka. Keganasan ekonomi dilihat apabila lelaki menghalang pasangannya untuk bergiat aktif dalam aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan peluang dalam kebolehpasaran kerja.

Dalam sesetengah kes, pasangan berupaya untuk menafikan akses pekerjaan untuk memaksimumkan pergantungan dan mengurangkan hubungan sosial (Sanderson, 2008). Postmus, Plummer dan Stylianou (2016) menyatakan keganasan ekonomi melibatkan perilaku mengawal, mengeksploitasi atau mensabotaj sumber ekonomi individu termasuk pekerjaan. Sebagai contoh, usaha untuk mengelakkan pasangan mereka untuk pergi bekerja dengan mensabotaj kereta, mengancam dan menghalang secara fizikal, tidak mahu bekerjasama dalam menjaga anak, mengambil kunci kereta dan kewangan, enggan menghantar ke tempat kerja. Manakala teknik-teknik lain adalah seperti membekalkan ubat yang mampu menyebabkan kemurungan, menghalang mereka untuk tidur, memotong rambut dan menyembunyikan pakaian.

Model Duluth melalui roda kuasa dan kawalan (*Power and Control Whell*) melihat lelaki menguasai wanita melalui kekuasaan dan keganasan. Model ini juga turut menggambarkan dinamika kuasa yang berlaku dan melihat beberapa titik perbezaan yang digunakan dalam hubungan keganasan untuk mengekalkan kuasa dan kawalan. Keganasan yang berlaku bukan sahaja merujuk kepada satu-satu bentuk, malah ia terjadi dalam pelbagai bentuk atau cara untuk mengekalkan kuasanya dalam hubungan. Roda kuasa dan kawalan yang dibahagikan kepada lapan bilangan yang mengkategorikan setiap dimensi saling berkait antara penyalahgunaan kuasa dan kawalan. Antaranya; 1) ugutan, 2) penyalahgunaan emosi, 3) pengasingan sosial, 4) meminumkan, menafikan dan menyalahkan, 5) menggunakan kanak-kanak, 6) menggunakan keistimewaan lelaki, 7) penyalahgunaan ekonomi, dan 8) menggunakan paksaan dan ancaman (Pence & Paymar, 1993). Tingkah laku ini telah membataskan keupayaan wanita untuk bertindak bebas (Pence & Paymar, 1993).

Kuasa dan kawalan yang terdapat di tengah roda mewakili kepelbagaian penderaan, intimidasi dan paksaan yang digunakan oleh pendera bagi memastikan pasangannya tunduk dan takut. Menurut Elabani (2015) penguasaan lelaki dalam aspek kehidupan adalah meliputi ekonomi, sosial, politik, budaya dan agama. Manakala, Oluremi (2015) pula berpendapat bahawa terdapat pelbagai jenis bentuk keganasan rumah tangga seperti keganasan iaitu keganasan rohani; bentuk keganasan pasif dan sosial. Keganasan rumah tangga dilihat berdasarkan kepada empat bentuk keganasan iaitu;

Keganasan fizikal

Menurut Lodhi (2016) keganasan fizikal merupakan satu tindakan yang terdiri daripada serangan yang bertujuan untuk menyebabkan rasa takut, sakit atau kecederaan anggota badan. Keganasan fizikal merupakan keganasan yang dilakukan dengan niat untuk menyakiti atau menakuti atau mengancam secara fizikal yang merujuk kepada lisan dan/atau fizikal yang diyakini menimbulkan bahaya kepada seseorang. Sebagai contoh, menolak, menarik rambut, menampar, mencekik atau cuba mencekik, membakar, menggunakan senjata seperti pistol atau pisau atau alatan tajam dan lain-lain. Keganasan ini merupakan keganasan yang paling umum dan sukar disembunyikan kerana mempengaruhi penampilan serta mengakibatkan kematian.

Keganasan emosi

Keganasan emosi merangkumi apa-apa tindakan seperti penghinaan, mengehadkan kebebasan, mengawal segala aktiviti, meletakkan maruahnyanya di bawah dan mengabaikannya. Sebagai contoh, menghalang atau mengehadkan masa untuk bertemu rakan atau keluarga, menggelarkannya dengan gelaran yang buruk (seperti anjing, bodoh, gila), menghina, dan lain-lain. Tujuan keganasan emosi digunakan adalah untuk memanipulasi dan menghina seseorang melalui pelbagai corak keganasan (Zabihzadeh, Hashim & Wei, 2015). Menurut Lodhi (2016), mangsa yang berpengalaman dalam penyalahgunaan mempunyai kadar kemurungan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mengalami keganasan.

Keganasan seksual

Keganasan seksual sering berlaku dalam rumah tangga secara berulang kali sepanjang tempoh perkahwinan tetapi tidak disuarakan (*silent code*) (Townes & Adams, 2016). Keganasan seksual dimulai dengan sikap yang cenderung memperlakukan isteri secara kasar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, mengancam, dan mengugut sehingga menyebabkan gangguan emosi dan psikologi terhadap mangsa akibat makian dan celaan (NurFadhilah, 2014). Sangwan (2014) pula menyatakan bahawa keganasan seksual dilihat sebagai penggunaan kuasa fizikal untuk memaksa pasangan dan hubungan yang dilakukan adalah menyakitkan. Antara contohnya ialah dipaksa melakukan hubungan seksual, disentuh secara seksual ketika berada di bawah pengaruh dadah, dipaksa melakukan aktiviti seks yang tidak disukai (luar tabi') atau dilacurkan untuk mendapatkan sumber kewangan.

Keganasan ekonomi

Keganasan ekonomi adalah sebarang bentuk keganasan di mana salah satu pasangan intim membuat kawalan terhadap akses pasangannya ke atas sumber ekonomi (Lodhi, 2016). Keganasan ekonomi juga mungkin melibatkan pasangan yang mengehadkan atau mengeksploitasi sumber ekonomi mangsa. Sesetengah wanita tidak dibenarkan untuk bekerja walaupun untuk membantu kewangan keluarga (Anderberg, Rainer, Wadsworth dan Wilson, 2015). Secara tidak langsung, mangsa harus bergantung sepenuhnya terhadap sumber ekonomi pasangan.

Randawar dan Jayabalan (2018) melihat keganasan ekonomi bukan hanya terdiri daripada pegangan sokongan kewangan atau menghalang seseorang daripada mencari pekerjaan tetapi termasuk memaksa seseorang untuk menuntut pembayaran keselamatan sosial, menandatangani kuasa wakil, menandatangani kontrak untuk pembelian barang atau harta benda, untuk menandatangani kontrak untuk penyediaan kewangan, pinjaman atau kredit, menandatangani kontrak jaminan dan menandatangani mana-mana dokumen undang-undang untuk penubuhan atau pengendalian perniagaan. Selain itu, teknik kawalan ekonomi yang selalu digunakan ialah menggunakan nama pasangan sebagai penjamin hutang. Kajian mendapati bahawa, sesetengah pasangan meletakkan tanggungjawab untuk membayar sewa atau utiliti lain kepada pasangan mereka dan mendapatkan kad kredit di atas nama pasangan dan menggunakan kad kredit itu tanpa izinnnya (Camiller, Corrie & Moore, 2015). Dalam erti kata lain, pasangan lelaki telah memanfaatkan keadaan tersebut sebagai salah satu cara untuk mengancam kestabilan ekonomi. Wanita yang mengalami keganasan akan berisiko untuk mengganggu hutang peribadi apabila sumber yang dikongsi adalah di bawah nama bersama atau namanya.

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji hubungan keganasan rumah tangga yang berlaku di Negeri Kelantan dan Terengganu, Malaysia terhadap status pekerjaan. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah tinjauan telah digunakan untuk mengukur sikap bagi mendapatkan data asli daripada populasi yang besar. Ini kerana melalui kaedah tinjauan, pengkaji dapat memperihalkan tren, sikap atau pendapat dan kelakuan atau watak berdasarkan kepada sampel atau populasi kajian (Creswell & Creswell, 2018).

Kajian ini turut menggunakan teknik persampelan pemeringkatan (*multistage sampling*); iaitu teknik persampelan rawak mudah dan teknik persampelan bertujuan dengan menetapkan tiga kriteria utama dalam pemilihan responden (i) penduduk di Negeri Kelantan dan Terengganu; (ii) berkahwin atau pernah berkahwin; sama ada bercerai atau kematian suami atau isteri; dan (iii) lelaki atau perempuan muslim. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada 390 orang responden yang beragama islam yang terdiri daripada 98 orang lelaki muslim dan 292 orang wanita muslim. Teknik lapor sendiri (*self-report technique*) turut digunakan bagi mendapatkan maklum balas yang tepat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman responden yang sebenar. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji telah mematuhi etika yang ditetapkan. Pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran responden sebelum proses pengumpulan data di samping memastikan responden yang dipilih adalah berdasarkan ciri kriteria yang telah ditetapkan. Bagi menjamin kerahsiaan responden, pengkaji hanya meminta responden untuk

mengisi nombor telefon dan mendapatkan tandatangan sahaja sebagai bukti persetujuan mereka terlibat dalam kajian. Semasa proses menganalisis data, pengkaji hanya mengekodkan responden menggunakan kod nombor sebagai rujukan kajian.

Data yang diperoleh telah dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical for Social Science* (SPSS) versi 22. Sebelum analisis dijalankan, data disaring terlebih dahulu untuk mendapatkan data yang tepat. Teknik analisis inferensi iaitu analisis varian satu arah (ANOVA) digunakan untuk melihat perbandingan antara dua atau lebih pembolehubah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 mendapati bahawa faktor pekerjaan merupakan pembolehubah yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga. Ujian ANOVA satu hala telah digunakan dalam mendapatkan signifikan kajian. Didapati faktor pekerjaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan bentuk keganasan yang dikaji iaitu nilai sig <0.05. ekonomi (F= 2.494, sig =0.022), emosi (F=3.210, sig=.004), seksual (F=4.538 sig=.000) dan fizikal (F=3.765, sig=.001).

Jadual 1: Ujian ANOVA satu hala faktor pekerjaan yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga

Faktor	Pembolehubah	Sumber	Jumlah kuasa dua	Dk	Min kuasa ²	F	Sig
Pekerjaan	Ekonomi	Antara kumpulan	24.678	6	4.113	2.494	.022
		Dalam kumpulan	631.734	383	1.649		
		Jumlah	656.412	389			
	Emosi	Antara kumpulan	11.823	6	1.971	3.210	.004
		Dalam kumpulan	235.119	383	.614		
		Jumlah	246.942	389			
	Seksual	Antara kumpulan	16.640	6	2.773	4.538	.000
		Dalam kumpulan	234.076	383	.611		
		Jumlah	250.716	389			
	Fizikal	Antara kumpulan	38.919	6	6.486	3.765	.001
		Dalam kumpulan	659.780	383	1.723		
		Jumlah	698.699	389			

Keganasan rumah tangga telah membentuk satu persepsi di mana pada awalnya masyarakat menganggap isu ini sebagai hal peribadi dan rahsia yang perlu disembunyikan. Menurut Rothman, Bair-Merritt dan Tharp (2015) halangan dalaman seperti emosi, sikap, pengetahuan dan kesedaran mereka tentang keganasan rumah tangga adalah penghalang bagi mereka untuk mencari jalan keluar bagi masalah ini.

Lelaki dan wanita mempunyai peranan mereka sendiri dalam institusi keluarga. Lelaki secara umumnya dicipta seorang yang gagah dari segi fizikal dan akal, manakala wanita disifatkan dengan seorang yang lemah daripada aspek fizikal dan dicirikan sebagai seorang yang sabar, lemah lembut, sensitif dan harus taat pada pasangannya selagi tidak melanggar batas syariat agama. Malah lelaki dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah kepada pasangan dan anak-anak.

Kajian oleh Semahegn dan Mengistie (2015) menjangkakan pengangguran dan pendidikan yang rendah menyumbang kepada peningkatan risiko keganasan rumah tangga. Kajian oleh Kiss, Schraiber, Hossain, Watts dan Zimmerman (2015) mendapati terdapat hubungan signifikan antara keganasan fizikal dan pekerjaan suami; iaitu suami yang tidak mempunyai pekerjaan menyebabkan keganasan fizikal. Kebanyakan pasangan sering menggunakan kekerasan terutama untuk menyelesaikan konflik. Keganasan rumah tangga di lihat dari pelbagai dimensi yang ditakrifkan berdasarkan takrifan etika, budaya dan undang-undang dan merupakan satu aktiviti atau sikap yang menyakitkan wanita. Wanita yang bergantung atau terpaksa bergantung terutama kepada sumber ekonomi pasangan lebih berisiko untuk dianiaya atau dieksploitasi dan kurang cenderung untuk meninggalkan pasangan (Cools & Kotsadam, 2017; Anderberg et al, 2015). Menurut Johnson (2016) sifat keterlaluan lelaki terhadap wanita yang melibatkan corak tingkah laku mengakibatkan mereka mendapat kelebihan kuasa dan kawalan dalam hubungannya. Kajian ini mendapati bahawa pekerjaan adalah signifikan terhadap kesemua bentuk keganasan iaitu emosi, ekonomi, seksual dan fizikal.

Roda kuasa dan kawalan melihat keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak berasal daripada kedudukan relatif yang lemah secara sosial, politik, ekonomi dan budaya. Keganasan rumah tangga dilihat secara konsisten melibatkan kuasa dan kawalan di mana kesemua dinamik sosiologi merujuk tentang stereotaip lelaki dan wanita. Stereotaip gender ini telah menyebabkan lelaki menyalahgunakan kuasa, tidak mengamalkan kesaksamaan dan diskriminasi yang mengakibatkan keganasan. Penderaan ini agak sukar dikenal pasti, namun keganasan ini membentuk corak ugutan dan kawalan dalam perhubungan. Pandangan mikro menunjukkan lelaki adalah berkuasa, seperti mana yang wujud di dalam masyarakat patriarki. Tiwari dan Shrestha (2018) menyatakan pekerjaan suami dilihat peramal yang signifikan bagi keganasan fizikal manakala pekerjaan isteri adalah signifikan bagi keganasan seksual. Hasil ini mendedahkan wanita yang mempunyai pekerjaan mempunyai peluang 63% lebih kurang menerima keganasan seksual berbanding wanita yang tidak bekerja. Menurut Bhagat dan Htwe (2018) pula keganasan emosi dan fizikal seringkali berlaku serentak dan mampu menjejaskan kesihatan fizikal dan mental mangsa. Dalam hal kerjaya, kebanyakan wanita yang telah mendirikan rumah tangga mengambil keputusan untuk berhenti bekerja demi mengurus keperluan suami dan anak-anak. Keadaan ini menyebabkan wanita hanya bergantung sepenuhnya kepada suami untuk memenuhi keperluan perbelanjaan diri dan rumah tangga. Namun pada hari ini terlihat ramai wanita telah membina kerjaya untuk menampung kewangan keluarga.

Menurut Tengku Fatimah Maliana et al., (2019) peningkatan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan perubahan sosioekonomi mampu melahirkan wanita yang maju dan aktif termasuk dalam pembangunan negara. Bagi Priestley (2014) wanita yang bekerja atau berpendidikan adalah kurang berisiko mengalami keganasan rumah tangga kerana mereka telah menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan mampu berdikari sendiri. Ini kerana, semakin banyak ikatan yang terjalin, semakin tinggi pengetahuan, pengaruh dan kekuatan hubungan yang wujud (Siti Hajar, Siti Hajar & Adi Fahrudin, 2020). Namun begitu, pekerjaan itu harus sesuai dengan sifat kewanitaannya iaitu tidak boleh melanggar hukum islam, tidak membahayakan diri dan orang di sekitarnya (Ibn-Qayyim, 1953). Menurut Wan Zulkifli dan Nabilah (2010) seorang isteri yang ingin keluar bekerja perlu mendapatkan keizinan daripada suami dan mampu menjaga adab dan tidak bergaul bebas dengan lelaki lain di tempat kerja. Keupayaan kedua-dua pihak (suami dan isteri) dalam menyeimbangkan antara pekerjaan dan rumah tangga adalah perlu untuk menetapkan segala sesuatu di tempat yang sesuai. Ini kerana tanggungjawab wanita yang telah berkahwin adalah terhadap suami, maka sifat pekerjaan seharusnya tidak melanggar hak suami (Okwueaiwe, Ezenwaka, Mojekeh & Chiyem, 2018).

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa faktor pekerjaan mempengaruhi bentuk keganasan rumah tangga. Keadaan ini telah memberi satu gambaran bahawa adalah penting dalam menilai situasi ini dan mengembangkan intervensi bagi mengurangkan kes keganasan rumah tangga. Bagi membendung masalah keganasan rumah tangga, perlunya

profesionalisme seperti pekerja sosial terutama di Malaysia untuk mengatasi masalah keganasan rumah tangga. Aspek hubungan peranan, fungsi dan tanggungjawab adalah perlu untuk memastikan kepadatan dan rangkaian yang terhubung (Siti Hajar, 2015).

Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang keganasan rumah tangga, memerangi normalisasi keganasan rumah tangga, mengatasi stigma mangsa yang terselamat dan meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai isu keganasan rumah tangga. Selain itu, inisiatif dan sokongan dari semua pihak terutama dari pihak media untuk mempromosikan hak-hak asasi manusia, perubahan dalam dasar dan perundangan dan kesamaan jantina. Kajian atau penyelidikan adalah penting dalam menyedarkan masyarakat tentang bahaya keganasan rumah tangga. Ini kerana, media sosial memainkan penting dalam membina pandangan masyarakat yang lebih luas (Ahmad Muttaqin, 2020). Dengan ini, isu keganasan rumah tangga dapat dikurangkan dan masyarakat dalam komuniti tidak lagi takut untuk berdepan dengan keganasan rumah tangga.

RUJUKAN

- Ahmad Muttaqin, (2020). Women's Identity in the Digital Islam Age: Social Media, New Religious Authority, and Gender Bias. *QIJS (Qudus International Journal of Islamic Studies)*, 8(2), 253-388.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) (Vol. 1994, Nomor Akta 521). (1994).
- Anderberg, D., Rainer, H., Wadsworth, J., & Wilson, T. (2015). Unemployment and domestic violence: Theory and evidence. *The Economic Journal*, 126(597), 1947-1979.
- Bhagat, V., & Htwe, K. (2018). A literature review of findings in physical and emotional abuse in elderly. *Research Journal of Pharmacy and Technology*, 11(10), 4731-4738.
- Bian, X. (2018). Economic Controlled Domestic Violence and Its Damage Compensation Based on Gender Perspective. *4th International Seminar on Education, Arts and Humanities (ISEAH 2018)*.
- Camilleri, O., Corrie, T., & Moore, S. (2015). *Restoring financial safety: Legal responses to economic abuse*. Abbotsford, British Columbia, Canada: Good Shepherd and Wyndham Legal Service.
- Cools, S., & Kotsadam, A. (2017). Resources and intimate partner violence in Sub-Saharan Africa. *World Development*, 95, 211-230.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage publications.
- Dobash, R. E., & Dobash, R. (1979). *Violence against wives: A case against the patriarchy* (pp. 179-206). New York: Free Press.
- Dolunay-Cug, F., Toplu-Demirtaş, E., & Murray, C. E. (2017). Turkish mental health professionals' experiences and perspectives toward family and sexual violence. *Journal of Family Violence*, 32(7), 731-740.
- Elabani, S. M. (2015). *Attitudes to and perceptions of domestic violence against women in an Arab community: a case study of Libyan migrants in the UK*. Ph.D Dissertation, Manchester Metropolitan University.
- Fatimah, A. (2016). Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum Dan Realiti. In *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 22, 1-9.
- Hirschman, C. (2017). Gender, the status of women, and family structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 33-50.

- Ibn-Qayyim. (1953). *al-Turuq al-Humiyah fi al-Siyasah al-Syariyyah*. Kaherah: T.P.
- Isaacs, V., Mohamad, N., Adnan, L. H. M., Rosdi, W. H. A. W., Mustafa, N. S., Fauzi, N. F. A. M., & Zakaria, N. H. (2020). Hubungan antara Penagihan Dadah dengan Keganasan Rumah Tangga. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 25, 7-14.
- Johnson, T. J. (2016). *Professions and Power (Routledge Revivals)*. New York: Taylor & Francis Group.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2021). *Majlis Pelancaran Masjid sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga (KRT)*. https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/2021/SPEECH%20YBM_%20Pelancaran%20Masjid%20Sebagai%20Pusat%20Transit%20KRT_%204%20Mei%202021.
- Khaironisak, H., Zaridah, S., Hasanain, F. G., & Zaleha, M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. *Women & Health*, 57(8), 919-941.
- Khoshemehry, G., Marin, S., Shamsi, M., & Almasi Hashiani, A. (2014). Social factors contributing to violence against women by their partners in Shahid Fayazbakhsh hospital in 2012. *J Neyshabur Univ Med Sci*, 2(4), 36-44.
- Kiss, L., Schraiber, L. B., Hossain, M., Watts, C., & Zimmerman, C. (2015). The link between community-based violence and intimate partner violence: The effect of crime and male aggression on intimate partner violence against women. *Prevention Science*, 16(6), 881-889.
- Lodhi, H. (2016). Domestic violence against women in India-the truth of our society. *International Journal of Research*, 3(7), 63-69.
- Lodhi, H. (2016). Domestic violence against women in India-the truth of our society. *International Journal of Research*, 3(7), 63-69.
- NurFadhilah Binti Yahya. (2014). *Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor*. Jurnal penyelidikan yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Okwuraiwe, F. E., Ezenwaka, C., Mojekeh, M. O., & Chiyem, O. (2018). Sales Force Turnover and Corporate Image of Selected Marketing Organizations in Anambra State. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 8(3), 163-177.
- Oluremi, F. D. (2015). Domestic "Violence Against Women In Nigeria.". *European Journal of Psychological Research*, 2(1).
- Pence, E., & Paymar, M. (1993). *Education groups for men who batter: The Duluth model*. Springer Publishing Company.
- Polis Diraja Malaysia. (2019). *Statistik Kes Keganasan Rumah Tangga bagi Tahun 2014 hingga 2019 (JAN-NOV)*.
- Postmus, J. L., Plummer, S. B., & Stylianou, A. M. (2016). Measuring economic abuse in the lives of survivors: Revising the Scale of Economic Abuse. *Violence against Women*, 22(6), 692-703.
- Priestley, S. (2014). The prevalence and correlates of intimate partner violence in Jamaica. *Social and Economic Studies*, Vol. 63, (1), 153-196.
- Randawar, D. K., & Jayabalan, S. (2018). The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison. *Akademika* 88(3), 77-89.
- Rothman, E., Bair-Merritt, M., & Tharp, A. (2015). Beyond the individual level: Novel approaches and considerations for multilevel adolescent dating violence prevention. *American Journal of Preventive Medicine*, 49, 445-447.

- Saffari, M., Arslan, S. A., Yekaninejad, M. S., Pakpour, A. H., Zaben, F. A., & Koenig, H. G. (2017). Factors associated with domestic violence against women in Iran: An exploratory multicenter community-based study. *Journal of Interpersonal Violence*, 0886260517713224.
- Sanderson, C. (2008). *Counselling survivors of domestic abuse*. Jessica Kingsley Publishers. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Sangwan, K. S. (2014). Domestic violence against women: *a sociological study*. Ph. D Dissertition, Maharshi Dayanand University.
- Semahegn, A., & Mengistie, B. (2015). Domestic violence against women and associated factors in Ethiopia; systematic review. *Reproductive Health*, 12(1), 78.
- Siti Hajar, A. R. (2015). Dari teori ke indikator ukuran: kajian penilaian pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 11(1), 113-129.
- Siti Hajar, A. R., & Nuruaslizawati, A. (2020). The Experience of Domestic Violence on Married Person in Malaysia. *Psychology and Education Journal*, 57(9), 2211-2215.
- Siti Hajar, A. R., Siti Hajar, A. A., Adi Fahrudin. (2020). Social Change PostCOVID-19 in Malaysia: The Density of Social Network. *Asian Social Work Journal*, 5(2), 1-5.
- Tengku Fatimah Maliana, T. M., Syh Noorul Madihah, S. H., Siti Khatijah, I., Zurita, M. Y., Siti Fatimah, S., Nyr Nadiyah, Z., & Wan Mohd Yusoff, W. C. (2019). Working Women and the Islamic Work-Life Balance Concept. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 1-10.
- Tiwari, P., & Shrestha, G. (2018). Factors Associated with Intimate Partner Violence: Logistic Regression Approach. *Nepalese Journal of Statistics*, 2, 37-52.
- Towns, A. J., & Adams, P. J. (2016). "I didn't know whether i was right or wrong or just bewildered" ambiguity, responsibility, and silencing women's talk of men's domestic violence. *Violence against Women*, 22(4), 496-520.
- Walsh, D. (2018). *Working with Domestic Violence: Contexts and Frameworks for Practice*. Oxfordshire, England: Routledge.
- Wan Zulkifli, W. H., & Nabilah, A. (2010). Nafkah Isteri Bekerja: Satu Tinjauan Di Daerah Pasir Mas Kelantan. *Jurnal Fiqh*, 7, 83-106.
- Weston, C. W. (2016). *Why doesn't she leave? civil protection orders for low-income women facing economic abuse*. Poverty Seminar. Washington & Lee University School of Law.
- World Health Organization (2017). Violence again Women. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/violence-against-women>.
- Zabihzadeh, S., Hashim, R. S., & Wei, G. C. C. C. (2015). Domestic Violence against Women in Atiq Rahimi's the Patience Stone. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3), 25-34.